YB DATUK AZHAR AZIZAN HARUN
Yang Dipertua Dewan Rakyat
Parlimen Malaysia
Bangunan Parlimen 50680 Kuala Lumpur

YANG BERHORMAT DATUK,

**PERLU MELIBATKAN JAWANTANKUASA PERATURAN-PERATURAN MESYUARAT DAN AHLI PARLIMEN PEMBANGKANG DALAM KAJIAN PARLIMEN HIBRID**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas berkaitan dengan pengumuman Kerajaan melalui Menteri Undang-Undang, Dato' Seri Takiyuddin Hassan untuk mengkaji pelan konsep Parlimen hibrid di mana Ahli Parlimen akan dapat mengambil bahagian secara fizikal dan juga secara maya.

2. Untuk makluman pihak YB Datuk, semua Ahli Parlimen Pembangkang dan beberapa orang Ahli Parlimen Kerajaan termasuk Timbalan Yang DiPertua Dewan Rakyat YB Pengerang, telah berkali-kali menyeru Kerajaan mengadakan sidang Parlimen. Kami menjunjung titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong selepas YB Datuk sendiri menghadap Tuanku di Istana Negara, bahawa Proklamasi Darurat tidak melarang Parlimen atau Dewan Undangan negeri untuk bersidang. Malangnya titah diRaja tersebut masih belum dilaksanakan oleh Kerajaan PN ataupun Parlimen.

3. Justeru, pengumuman Kerajaan tentang Parlimen hibrid amat mengejutkan. Sehingga kini, tiada siapa yang tahu bentuk, sifat atau format Parlimen hibrid ini. Yang DiPertua Dewan Negara, Tan Sri Dr. Rais Yatim mengatakan bahawa sebuah jawatankuasa khas telah ditubuhkan untuk mengkaji Parlimen hibrid. Jawatankuasa tersebut dianggotai oleh YB Datuk sendiri, Yang DiPertua Dewan Negara, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, serta para Timbalan Yang DiPertua Dewan Rakyat dan Dewan Negara.

4. Jawatankuasa khas yang hanya melibatkan anggota-anggota di atas tanpa Ketua Pembangkang atau wakilnya berkaitan dengan pengurusan dan prosedur mesyuarat adalah bertentangan dengan konvensyen Parlimen malah menyalahi Peraturan-peraturan Mesyuarat Majlis Dewan Rakyat. Kajian dan perbincangan tentang Parlimen hibrid perlu melibatkan Ahli-ahli Parlimen rentas parti, termasuk daripada pihak Pembangkang. Itulah tujuan Jawatankuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat Parlimen yang ditubuhkan di bawah Peraturan Mesyuarat 78. Sebagai Yang DiPertua Dewan Rakyat, YB Datuk tidak harus membenarkan penyalahgunaan kuasa yang menidakkan peranan Jawatankuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat dan Ahli Parlimen Pembangkang.

5. Perlu ditegaskan bahawa Ahli Parlimen Pembangkang merupakan sebahagian daripada cabang Parlimen dalam Perlembagaan Persekutuan sama seperti Ahli Parlimen Kerajaan. Sekiranya hanya cabang Eksekutif yang berkuasa menentukan peraturan serta prosedur untuk menjalankan mesyuarat Parlimen hibrid, maka Parlimen akan menjadi sekadar "rubber stamp". Jika ini berlaku, bagaimana Ahli Parlimen Pembangkang dapat memainkan peranan penting memastikan institusi Parlimen yang berfungsi sebagai semak dan imbang ke atas Kerajaan melalui pemantauan Rang Undang-undang and pemeriksaan perjalanan pentadbiran kerajaan?

6. Secara amnya, Ahli-ahli Parlimen lebih cenderung mengambil bahagian secara fizikal dalam sesi Parlimen berbanding secara maya. Oleh itu, sebarang perbincangan dalam hal ini perlu melibatkan wakil-wakil semua parti termasuk ahli Parlimen Pembangkang. Lebih-lebih lagi, di masa negara berdepan pelbagai krisis ekoran pandemik Covid-19, kita harus mengembleng tenaga setiap anggota Dewan tanpa mengira parti politik untuk memastikan urusan Parlimen yang lancar dan seterusnya proses vaksinisasi disegerakan serta bantuan ekonomi disalurkan kepada rakyat.

7. Saya juga memohon YB Datuk untuk menyeru pihak Kerajaan memberikan vaksin kepada 380 kakitangan Parlimen dengan segera. Keengganan untuk melaksanakan vaksinisasi kepada kakitangan Parlimen bukan sahaja membahayakan nyawa mereka, malah dilihat sebagai membantut urusan Parlimen dan menunjukkan kurangnya kemahuan politik di pihak Kerajaan untuk memastikan kelancaran sidang Parlimen.

Saya memohon perhatian serius Yang Berhormat Datuk melibatkan peranan Ahli Parlimen Pembangkang dan Jawatankuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat bagi mengembalikan semula institusi demokrasi berparlimen negara kita yang telah dilumpuhkan oleh badan Eksekutif.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

LIM GUAN ENG
Ahli Parlimen Bagan